

SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHONG CHIENG
JEN [BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 4 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perbelanjaan pembangunan dan pengurusan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah diperuntukkan di Sarawak dalam tahun 2017. Apakah peratusan angka ini berbanding dengan keseluruhan perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 2017.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017, perbelanjaan pembangunan daripada peruntukan yang disalurkan secara langsung oleh Jabatan Perdana Menteri di Sarawak adalah sebanyak RM1,757,906,718.25. Jumlah perbelanjaan tersebut menjadikan angka peratusan 15.93% daripada keseluruhan perbelanjaan JPM dalam tahun 2017.

Manakala perbelanjaan di bawah Belanja Mengurus Jabatan Perdana Menteri di Negeri Sarawak adalah sebanyak RM178,919,419.06 iaitu 3.63% berbanding jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan di bawah JPM sebanyak RM4,922,469,000 pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.